

17 AUG 1998

Zaleha-syiling

BUDAYA ENGGAN GUNA SYILING 1 SEN MEMBIMBANGKAN

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Kerajaan bimbang dengan budaya rakyat yang mengutamakan wang syiling RM1 lebih daripada syiling kecil seperti 1 sen kerana ini akan membawa kesan negatif terhadap penetapan harga minimum sesuatu barangan pada masa depan.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail berkata sekiranya rakyat tidak menghargai syiling 1 sen dan lebih mengutamakan syiling RM1, besar kemungkinan pada masa depan harga minimum barangan akan ditetapkan pada kadar setiap ringgit dan bukan setiap sen.

Kebimbangan ini dilahirkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu mesyuarat kabinet tidak lama dulu dan Perdana Menteri meminta rakyat menghargai nilai wang syiling yang kecil seperti 1 sen dan 5 sen, katanya kepada pemberita selepas menutup kempen Riag Ria Satu Sen di Bank Negara di sini.

"Daripada wang syiling 1 sen dibuang merata-rata, lebih wajar sekiranya syiling itu dimasukkan ke dalam tabung yang disediakan di pusat membeli belah atau bank agar dapat didermakan kepada golongan yang memerlukan," kata Zaleha.

Beliau meminta badan korporat serta gedung perbiagaan agar meneruskan kutipan wang syiling 1 sen untuk tujuan kebajikan dan bukan terbatas untuk jangka masa tertentu sahaja.

Sambil memuji penganjur kempen itu kerana telah berjaya menarik minat pelbagai peringkat masyarakat untuk menyumbang, Zaleha berkata sepanjang tempoh sembilan bulan ia berlangsung, sebanyak RM221,464.31 berjaya dipungut.

Pengerusi jawatankuasa penganjur kempen itu Datuk A. Kadir Jasin berkata kutipan itu akan digunakan bagi membiayai 1,000 orang kurang upaya dari rumah-rumah kebajikan serta masyarakat Orang Asli untuk menyaksikan Sukan Komanwel ke-16 yang akan berlangsung di sini dari 11 hingga 21 Sept ini.

Kadir yang juga Ketua Pengarang Kumpulan NSTP berkata sungguhpun kempen itu telah berakhir, kutipan 1 sen akan diteruskan oleh akhbar kumpulan dan kutipan selepas ini akan dimasukkan ke dalam Tabung Kebajikan The Malay Mail.

-- BERNAMA

AKT MAI